



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM
BERDASARKAN MODUL BERSEPADU
KURSUS PRAPERKAHWINAN
ISLAM (MBKPI) 2016**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak boleh dipinda, ditambah, mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam Berdasarkan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
ISBN 978-983-042-591-7

Diterbitkan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Blok A dan B

Kompleks Islam Putrajaya

No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman

Presint 3,

62100 Putrajaya

No Tel: 03-88860000

No Fax: 03-88860707

Dicetak oleh:

Mihas Grafik Sdn. Bhd.

No. 9, Jalan SR 4/19

Taman Serdang Raya

43300 Seri Kembangan

Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

Tujuan	1
Latar Belakang	1
Tafsiran	2
Syarat-Syarat Permohonan Permit	2
Tatacara Permohonan Permit	3
Syarat-Syarat Permit	4
Penganjuran Kursus Praperkahwinan Islam di Luar Tempat Kursus Yang Dibenarkan Atau Secara Kerjasama	4
Penganjuran Kursus Praperkahwinan Islam di Luar Negara	5
Pemakaian Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI)	6
Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam	6
Syarat-Syarat Tempat Penganjuran Kursus Praperkahwinan Islam	8
Tanggungjawab Penganjur Terhadap Peserta	8

Larangan Kepada Penganjur	10
Permohonan Sijil Kursus	11
Penyerahan Sijil Kursus Kepada Peserta	12
Kehilangan Atau Kerosakan Sijil Kursus	13
Pengambilan Sijil Kursus bagi Penganjur yang Bermasalah	13
Tempoh Sah Laku Sijil Kursus	13
Syarat-Syarat Kelayakan Penceramah	14
Tatacara Permohonan Penceramah	15
Latihan	16
Tanggungjawab Penceramah	16
Pemantauan Berkala	18
Aduan dan Tindakan	18
Kuasa Pengarah Jain	20
Rayuan	20
Pengecualian	20
Pembatalan	20
Lampiran	21



Tujuan

Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam ini disediakan sebagai rujukan dan panduan yang seragam kepada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), penganjur, penceramah dan peserta kursus praperkahwinan Islam di dalam dan di luar negara.



Latar Belakang

Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) telah digubal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 1996 dan diwajibkan pelaksanaannya pada tahun 1997. Pada tahun 2008, penambahbaikan kali kedua telah dibuat sebelum MBKPI Versi 3 dihasilkan pada tahun 2012. Pembaharuan dalam MBKPI Versi 3 ini dengan menambahbaik isi kandungan *slide* bergambar, video ringkas dan penghasilan dokudrama Lestari Kasih. Kursus ini adalah salah satu daripada inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam usaha memberi ilmu awal rumahtangga kepada pasangan yang bakal berkahwin. Bagi memastikan pelaksanaan MBKPI ini dikendalikan dengan berkesan dan bersistematik maka Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam Berdasarkan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) telah diwujudkan.

3 Tafsiran

Bagi maksud Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“**JAIN**” ertinya Jabatan Agama Islam Negeri_____;

“**Kursus praperkahwinan Islam**” ertinya kursus praperkahwinan Islam berasaskan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI);

“**MAIN**” ertinya Majlis Agama Islam Negeri_____:

“**Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI)**” ertinya modul yang dibangunkan oleh JAKIM bagi pelaksanaan kursus praperkahwinan Islam di JAIN;

“**Penganjur**” ertinya mana-mana orang yang diberikan permit oleh JAIN untuk menganjurkan kursus praperkahwinan Islam;

“**Pengarah JAIN**” ertinya Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri_____; dan

“**Sijil kursus**” ertinya sijil kursus praperkahwinan Islam yang dikeluarkan oleh JAIN kepada peserta yang telah mengikuti kursus praperkahwinan Islam.

4 Syarat-Syarat Permohonan Permit

Permohonan permit hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

- (a) beragama Islam;
- (b) mempunyai alamat Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (c) mempunyai alamat tetap pejabat operasi; dan
- (d) mempunyai cadangan tempat kursus praperkahwinan Islam.

5 Tatacara Permohonan Permit

5.1 Permohonan untuk mendapatkan permit hendaklah dikemukakan kepada Pengarah JAIN menggunakan borang yang ditetapkan oleh JAIN berserta dokumen seperti yang berikut:

- (a) salinan kad pengenalan pemohon yang disahkan;
- (b) salinan sijil pendaftaran syarikat yang disahkan;
- (c) profil syarikat;
- (d) Kertas Cadangan Penganjuran Kursus Praperkahwinan Islam; dan
- (e) apa-apa dokumen lain yang difikirkan perlu atau suai manfaat dengan permohonan.

5.2 Suatu permit sebagaimana yang telah ditetapkan akan diberikan kepada pemohon setelah Pengarah JAIN berpuas hati bahawa pemohon berkelayakan dan berkemampuan untuk menganjurkan kursus praperkahwinan Islam dan pemohon membayar fi sebanyak RM500.00 (Ringgit : Lima Ratus Sahaja).

5.3 Pengarah JAIN boleh menolak mana-mana permohonan yang gagal memenuhi tatacara yang dinyatakan di bawah perenggan 5.1.

6 Syarat-Syarat Permit

- 6.1 Tempoh sah permit adalah selama satu (1) tahun dan hanya sah digunakan di tempat kursus praperkahwinan Islam yang dibenarkan sahaja.
- 6.2 Permit hendaklah dipamerkan di tempat kursus praperkahwinan Islam sepanjang kursus praperkahwinan Islam dijalankan.
- 6.3 Permit tidak boleh dipindahmilik, disewa, dipinjam atau dipajak kepada pihak lain.
- 6.4 Pembaharuan permit hendaklah dikemukakan kepada Pengarah JAIN berserta bayaran fi yang ditetapkan oleh JAIN.
- 6.5 Pengarah JAIN berhak menarik balik permit dengan notis pada bila-bila masa sekiranya didapati penganjur tidak aktif, tidak melaksanakan kursus praperkahwinan Islam, tidak mematuhi Garis Panduan ini atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh MAIN atau JAIN dari semasa ke semasa.

7 Penganjuran Kursus Praperkahwinan Islam di Luar Tempat Kursus yang Dibenarkan atau Secara Kerjasama

- 7.1 Penganjur yang berhasrat untuk menganjurkan kursus praperkahwinan Islam di luar tempat kursus yang dibenarkan atau secara kerjasama perlu terlebih dahulu mengemukakan permohonan secara bertulis bagi mendapatkan kebenaran daripada Pengarah JAIN sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum dari tarikh penganjuran kursus praperkahwinan Islam diadakan.

7.2 Mana-mana penganjur yang telah diberikan kebenaran di bawah perenggan 7.1 adalah tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini.

8 Penganjuran Kursus Praperkahwinan Islam Di Luar Negara

8.1 Mana-mana Penganjur yang akan menganjurkan kursus praperkahwinan Islam di luar negara, perlu mengemukakan permohonan secara bertulis bagi mendapatkan kebenaran daripada Pengarah JAIN sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum dari tarikh penganjuran kursus praperkahwinan Islam diadakan dan JAIN perlu memaklumkan kepada JAKIM bagi tujuan penyelarasan.

8.2 Mana-mana pemohon di luar negara yang berhasrat untuk menganjurkan kursus praperkahwinan Islam di luar negara, perlu mengemukakan permohonan secara bertulis kepada JAKIM sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum dari tarikh penganjuran kursus praperkahwinan Islam diadakan.

8.3 JAKIM hendaklah memanjangkan permohonan di bawah perenggan 8.2 kepada JAIN untuk kelulusan sebelum dilaksanakan.

8.4 Mana-mana Penganjur atau pemohon yang telah diberikan kebenaran di bawah perenggan ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini.

- 8.5 Penganjur atau pemohon hendaklah mengemukakan laporan mengenai pelaksanaan kursus kepada JAIN dan JAKIM setelah kursus tersebut dilaksanakan.

9 Pemakaian Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI)

- 9.1 Penganjur hendaklah menggunakan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) seperti di Lampiran.
- 9.2 Hak cipta Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) adalah terpelihara, tidak boleh dipinda, ditambah, mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

10 Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam

Penganjur hendaklah mematuhi perkara-perkara yang berikut semasa melaksanakan kursus praperkahwinan Islam:

- (a) permit masih sah tempoh;
- (b) pelaksanaan kursus praperkahwinan Islam adalah selama dua (2) hari berturut-turut dan mencukupi tiga belas (13) jam kredit;

- c) mengenakan yuran kursus praperkahwinan Islam tidak melebihi RM120.00 (Ringgit: Satu Ratus Dua Puluh Sahaja) kepada peserta yang merangkumi bayaran fail, alat tulis, sijil kursus, makan minum, bayaran kepada penceramah dan buku rujukan Memasuki Gerbang Perkahwinan terbitan JAKIM;
- d) jumlah peserta bagi setiap sesi kursus praperkahwinan Islam yang diadakan hendaklah mengikut kesesuaian tempat dan tidak melebihi satu ratus lima puluh (150) orang tidak termasuk peserta gantian;
- e) menyimpan rekod maklumat peserta serta mengemukakan laporan pelaksanaan kursus praperkahwinan Islam kepada JAIN bagi tujuan pemantauan dan pengeluaran sijil kursus;
- f) mengemaskini maklumat kursus praperkahwinan Islam dalam Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) bagi JAIN yang berkaitan; dan
- g) membayar kepada penceramah mengikut kadar yang ditetapkan sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2/2005, Peraturan Mengenai Kadar-Kadar dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/Penceramah dan Fasilitator Sambilan atau kadar minimum sebanyak RM100.00 (Ringgit: Satu Ratus Sahaja) untuk 1 jam.

Syarat-Syarat Tempat Penganjuran Kursus Praperkahwinan Islam

Tempat penganjuran kursus praperkahwinan Islam hendaklah mempunyai-

- (a) ruang yang bersih dan selesa;
- (b) alat siar raya (PA system) yang berfungsi dengan baik;
- (c) kerusi dan meja yang mencukupi (sekurang-kurangnya kerusi yang mempunyai tempat untuk menulis);
- (d) alat audio visual seperti pembesar suara, laptop, projektor, papan putih dan alat tulis;
- (e) tempat solat yang selesa;
- (f) tempat jamuan makan yang selesa; dan
- (g) tandas yang bersih dan selesa.

Tanggungjawab Penganjur Terhadap Peserta

Penganjur hendaklah memastikan peserta mematuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

- (a) hadir lima (5) minit sebelum sesi kursus praperkahwinan Islam bermula. Sekiranya peserta gagal menghadiri mana-mana sesi atau lewat hadir lebih daripada lima belas (15) minit selepas sesi kursus praperkahwinan Islam bermula, hendaklah menghadiri semula sesi tersebut;

- b) mengikuti tiga belas (13) jam kredit selama dua (2) hari berturut-turut untuk keseluruhan sesi kursus praperkahwinan Islam;
- c) menandatangani borang pendaftaran kehadiran bagi setiap sesi kursus praperkahwinan Islam;
- d) berpakaian kemas, sopan dan menutup aurat serta menjaga akhlak yang baik sepanjang kursus praperkahwinan Islam diadakan;
- e) menepati masa bagi setiap sesi kursus praperkahwinan Islam;
- f) duduk secara berasingan mengikut jantina;
- g) tidak merokok, makan, minum atau berbual-bual semasa penceramah menyampaikan ceramah;
- h) sentiasa memberi tumpuan semasa sesi kursus praperkahwinan Islam berlangsung;
- i) sentiasa berada di tempat kursus semasa kursus praperkahwinan Islam diadakan;
- j) sentiasa menunjukkan budi pekerti yang baik terhadap mana-mana penceramah; dan
- k) mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh penganjur dan JAIN dari semasa ke semasa.

13.1 Mana-mana penganjur adalah dilarang-

- (a) mencetak, mengedar atau menjual apa-apa borang permohonan kebenaran berkahwin atau borang-borang lain berkaitan urusan perkahwinan yang digunakan secara rasmi di mana-mana JAIN di Malaysia;
- (b) mempromosi, mengiklan atau menyiarkan apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh penganjur dengan menggunakan nama, gambar atau apa-apa bentuk representasi atau ekspresi yang melibatkan pihak MAIN, JAIN, JAKIM, orang kenamaan atau mana-mana orang lain, menerusi apa-apa cara, tanpa kebenaran secara bertulis daripada pihak tersebut atau undang-undang lain yang berkuat kuasa;
- (c) menayangkan video, memainkan kaset atau menggunakan apa jua cara bagi menggantikan penceramah yang tidak hadir; dan
- (d) melakukan apa-apa tindakan yang bertentangan dengan kehendak MAIN, JAIN, JAKIM atau mana-mana pihak berkuasa agama Islam.

14 Permohonan Sijil Kursus

14.1 Penganjur hendaklah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan sijil kursus kepada JAIN berserta laporan kursus praperkahwinan Islam yang mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- a) tarikh, tempat dan masa kursus praperkahwinan Islam dilaksanakan;
- b) senarai lengkap butir-butir peserta yang ditandatangani pada setiap sesi kursus praperkahwinan Islam;
- c) senarai penceramah berserta tandatangan bagi setiap sesi kursus praperkahwinan Islam; dan
- d) atur cara kursus praperkahwinan Islam.

14.2 JAIN boleh, sekiranya berpuas hati dengan maklumat yang dikemukakan oleh penganjur dan setelah dibayar fi bagi setiap keping sijil, menyerahkan sijil kursus kepada penganjur.

14.3 Penganjur hanya dibenarkan untuk mengambil sijil kursus yang telah siap dicetak pada hari yang ditetapkan oleh JAIN.

14.4 Sijil kursus hanya sah apabila ditandatangani oleh Pengarah JAIN atau pegawai yang diberi kebenaran atau kuasa secara bertulis oleh Pengarah JAIN.

14.5 Penganjur bertanggungjawab untuk menyimpan sijil kursus di tempat yang selamat sehingga diserahkan kepada peserta dalam tempoh tiga (3) bulan dan hendaklah mengembalikannya kepada JAIN sekiranya sijil kursus tidak dituntut oleh peserta selepas tempoh tersebut.

15.1 Penganjur hendaklah menyerahkan sijil kursus kepada peserta yang mematuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

- a** menghadiri semua sesi kursus praperkahwinan Islam;
- b** memenuhi tiga belas (13) jam kredit selama dua (2) hari berturut-turut untuk keseluruhan sesi kursus praperkahwinan Islam; dan
- c** mematuhi peruntukan yang dinyatakan di bawah Garis Panduan ini.

15.2 Bagi peserta yang tidak menghadiri sepenuhnya keseluruhan sesi kursus praperkahwinan Islam dan tidak memenuhi jumlah jam kredit yang ditetapkan atas sebab-sebab tertentu, penyerahan sijil kursus hanya boleh dibuat setelah peserta itu selesai menggantikan sesi kursus yang tidak dihadirinya dan memenuhi jumlah jam kredit yang ditetapkan.

15.3 Penganjur hendaklah memastikan sijil kursus hanya diserahkan kepada peserta yang menghadiri kursus praperkahwinan Islam kecuali atas permintaan peserta sendiri untuk diambil oleh wakil dengan disertakan surat kebenaran.

16 Kehilangan atau Kerosakan Sijil Kursus

- 16.1 Bagi mana-mana peserta yang kehilangan sijil kursus, hendaklah memaklumkan kepada penganjur yang berkenaan.
- 16.2 Penganjur yang berkenaan perlu mengemukakan maklumat yang disahkan seperti yang berikut kepada JAIN-
- (a) nama peserta;
 - (b) tempat kursus praperkahwinan Islam;
 - (c) tarikh kursus praperkahwinan Islam;
 - (d) no. kad pengenalan; dan
 - (e) no. siri sijil kursus.
- 16.3 JAIN boleh, setelah dibayar fi yang ditetapkan, mengeluarkan sijil kursus yang baharu kepada peserta.

17 Pengambilan Sijil Kursus bagi Penganjur yang Bermasalah

Sekiranya penganjur telah diisytiharkan muflis, ditamatkan atau menamatkan operasi perkhidmatannya, peserta perlu merujuk kepada JAIN bagi mendapatkan sijil kursus.

18 Tempoh Sah Laku Sijil Kursus

Tempoh sah laku sijil kursus adalah seumur hidup dan terpakai bagi seluruh Malaysia.

19.1 Syarat-syarat kelayakan penceramah kursus praperkahwinan Islam adalah seperti yang berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berpegang kepada mazhab Syafie dan aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah (ASWJ);
- (c) mempunyai Ijazah yang diiktiraf dan sesuai dalam bidang yang berkaitan mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (d) memiliki Sijil Kursus Asas Penceramah MBKPI daripada JAKIM; dan
- (e) memiliki surat perlantikan daripada JAIN.

19.2 Tertakluk perenggan 19.1

- (a) mana-mana orang yang tidak memenuhi kelayakan sebagaimana yang dinyatakan di bawah perenggan 19.1(c) tetapi mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang yang berkaitan mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengemukakan permohonan sebagai penceramah kepada JAIN;
- (b) bagi tajuk berkaitan Perkahwinan dan Prosedur, Runding Cara di JAIN serta tajuk Pembubaran Perkahwinan hendaklah disampaikan oleh Ketua Pendaftar atau Pendaftar yang sedang atau pernah berkhidmat di JAIN atau Pejabat Agama Islam Daerah (PAID).

- C) bagi tajuk berkaitan Pengurusan Kesihatan Keluarga hendaklah disampaikan oleh Pengamal Perubatan atau Pembantu Perubatan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

20 Tatacara Permohonan Penceramah

20.1 Permohonan Sijil Asas Penceramah MBKPI daripada JAKIM

- 20.1.1 Pemohon yang ingin dilantik sebagai penceramah kursus praperkahwinan Islam hendaklah mengemukakan permohonan kepada JAKIM untuk mengikuti Kursus Asas Penceramah MBKPI anjuran JAKIM.
- 20.1.2 Bagi pemohon yang berkhidmat di negeri-negeri, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Pengarah JAIN untuk mengikuti Kursus Asas Penceramah MBKPI anjuran JAKIM.
- 20.1.3 Pemohon yang telah mengikuti Kursus Asas Penceramah MBKPI sepenuhnya akan diberikan Sijil Asas Penceramah MBKPI setelah selesai tempoh kursus dijalankan.

20.2 Permohonan surat perlantikan daripada JAIN

- 20.2.1 Pemegang Sijil Asas Penceramah MBKPI perlu mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pengarah JAIN bagi mendapatkan surat perlantikan sebagai penceramah kursus praperkahwinan Islam di negeri-negeri.

20.2.2 Tempoh sah surat perlantikan adalah selama dua (2) tahun dan hendaklah diperbaharui dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tamat surat perlantikan.

20.2.3 Penceramah yang tidak memperbaharui surat perlantikan selepas enam (6) bulan dari tempoh tamat perlantikan hendaklah menghadiri semula Kursus Asas Penceramah MBKPI terlebih dahulu sebelum memohon surat perlantikan.

20.2.4 JAIN boleh menamatkan surat perlantikan kepada mana-mana penceramah yang gagal mematuhi Garis Panduan ini atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh JAIN dari semasa ke semasa.

21 Latihan

Penceramah yang telah dilantik hendaklah menghadiri kursus, latihan atau bengkel yang dianjurkan oleh JAKIM atau JAIN dari semasa ke semasa.

22 Tanggungjawab Penceramah

Penceramah hendaklah melaksanakan tanggungjawab seperti yang berikut semasa menyampaikan ceramah kursus praperkahwinan Islam:

- a) menggunakan MBKPI;
- b) menyampaikan ceramah tidak lebih daripada dua (2) slot pada setiap sesi kursus praperkahwinan Islam kecuali dengan kebenaran Ketua Pendaftar Nikah Cerai dan Ruju' (KPNCR) atau Pengarah JAIN;

- c menggunakan peralatan yang telah disediakan oleh penganjur seperti pembesar suara, laptop, projektor dan lain-lain;
- d tidak menyentuh isu-isu politik kepartian, tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak dan menjaga adab sopan dari segi bahasa dalam penyampaian;
- e penyampaian yang tidak bercanggah dengan dasar kerajaan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Malaysia;
- f tidak menyentuh perkara khilafiah atau fahaman yang boleh menimbulkan kekeliruan dan perpecahan antara umat Islam;
- g menyampaikan huraian berdasarkan pandangan mazhab Shafie dan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- h tidak merokok sepanjang kursus praperkahwinan Islam dijalankan;
- i menepati masa mula dan masa akhir ceramah mengikut jadual yang diberikan;
- j mengesahkan senarai kehadiran peserta pada setiap sesi di ruangan yang ditetapkan.
- k memakai pakaian kemas dan sopan:
 - (i) lelaki - kemeja ber lengan panjang, berseluar panjang atau baju Melayu dan berkasut
 - (ii) perempuan - menutup aurat
- l tidak memakai seluar jeans / kemeja T/ blouse ketat/selipar;
- m menggunakan pendekatan bimbingan dan interaktif; dan
- n sentiasa bersedia dari segi fizikal dan mental serta memberikan tumpuan yang penuh kepada sesi yang dikendalikan.

23 Pemantauan Berkala

JAKIM dan JAIN bertanggungjawab mengawal dan memantau pelaksanaan kursus praperkahwinan Islam bagi memastikan penganjur, penceramah dan peserta mematuhi Garis Panduan ini atau apa-apa arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

24 Aduan Dan Tindakan

24.1 Aduan

- 24.1.1 Aduan secara bertulis hendaklah dikemukakan kepada KPNCR JAIN sekiranya penganjur atau penceramah didapati melakukan apa-apa pelanggaran terhadap Garis Panduan ini.
- 24.1.2 KPNCR JAIN, setelah menerima aduan itu, hendaklah meneliti aduan itu dan menjalankan siasatan.

24.2 Penggantungan permit atau surat perlantikan

- 24.2.1 Pengarah JAIN boleh menggantung sementara permit penganjur atau surat perlantikan penceramah mengikut tempoh yang munasabah semasa siasatan dijalankan dan boleh melanjutkan apa-apa tempoh tambahan sehingga selesai siasatan.

24.3 Tindakan

- 24.3.1 Setelah siasatan dibuat di bawah perenggan 24.2, sekiranya terbukti bahawa aduan itu benar, Pengarah JAIN boleh menurut budi bicaranya mengenakan tindakan seperti yang berikut kepada-

a Penganjur

- (i) amaran bertulis;
- (ii) tidak membenarkan penganjur menganjurkan kursus praperkahwinan Islam untuk tempoh selama enam bulan; atau
- (iii) membatalkan permit penganjur.

b Penceramah

- (i) amaran bertulis;
- (ii) tidak membenarkan penceramah menyampaikan ceramah di negeri untuk tempoh selama enam bulan; atau
- (iii) membatalkan surat perlantikan penceramah yang dikeluarkan oleh JAIN.

24.3.2 Sekiranya Pengarah JAIN mendapati aduan tersebut tidak benar, Pengarah JAIN hendaklah mengemukakan semula permit kepada Penganjur dan surat pelantikan kepada Penceramah dan membatalkan penggantungan yang telah diambil di bawah perenggan 24.2.1.

24.3.3 Tertakluk kepada Garis Panduan ini, Pengarah JAIN adalah berkuasa untuk mengawal selia tataranya sendiri berhubungan dengan perjalanan siasatan ke atas apa-apa aduan.

24.3.4 Permit penganjur atau surat perlantikan penceramah akan terbatal jika telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa.

25 Kuasa Pengarah Jain

Pengarah JAIN boleh menurut budi bicaranya untuk:

- (a) mengeluarkan amaran bertulis, menggantung permit penganjur selama enam (6) bulan,
- (b) tidak membenarkan penceramah menyampaikan ceramah di negeri untuk tempoh enam (6) bulan, atau
- (c) membatalkan permit bagi penganjur dan membatalkan surat perlantikan penceramah yang dikeluarkan oleh JAIN sekiranya penganjur atau penceramah melanggar mana-mana peruntukan yang dinyatakan di dalam Garis Panduan ini.

26 Rayuan

Mana-mana penganjur atau penceramah yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pengarah JAIN, hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan itu, mengemukakan rayuan kepada pihak berkuasa agama dan keputusan adalah muktamad.

27 Pengecualian

Walau apa pun perkara yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini, Pengarah JAIN boleh mengecualikan mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini jika difikirkan perlu dan munasabah.

28 Pembatalan

Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) 2006 adalah dibatalkan.



LAMPIRAN

MODUL BERSEPADU KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM

Pengenalan

Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) telah digubal pada tahun 1996 dan diwajibkan pelaksanaannya pada tahun 1997. Pada tahun 2008, penambahbaikan kali kedua telah dibuat sebelum MBKPI Versi 3 dihasilkan pada tahun 2012. Pembaharuan dalam MBKPI Versi 3 ini dengan menambahbaik isi kandungan slide bergambar, video ringkas dan penghasilan dokudrama Lestari Kasih. MBKPI ini adalah salah satu daripada inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam usaha memberi ilmu awal rumahtangga kepada pasangan yang bakal berkahwin.

Pemakaian dan Pelaksanaan Modul

- 1 JAIN hendaklah menerima pakai kandungan MBKPI tanpa sebarang pindaan dan dilaksanakan sama ada oleh JAIN, penganjur kursus yang dilantik dan berdaftar dengan JAIN sahaja.
- 2 Modul ini akan disemak setiap lima (5) tahun oleh JAKIM.

Tajuk-Tajuk Modul

MBKPI mengandungi 11 tajuk iaitu :-

i. Akidah	vii. Pengurusan Kewangan dan Masa
ii. Ibadah	viii. Pengurusan Kesihatan Keluarga
iii. Akhlak	ix. Pengurusan Tekanan (Stress) dan Konflik
iv. Perkahwinan dan Prosedur	x. Perkhidmatan Runding Cara di JAIN
v. Komunikasi Suami Isteri	xi. Pembubaran Perkahwinan
vi. Hubungan Dalam Keluarga	

Tempoh Kursus

Kursus yang dijalankan hendaklah dua (2) hari berturut-turut yang merangkumi tiga belas (13) jam kredit.

Panduan Jadual Kursus

Penganjur hendaklah melaksanakan kursus berdasarkan jadual yang ditetapkan seperti di bawah :

Hari 1	Akidah 1 jam	Ibadah 1 jam	Akhlak 1 jam	Perkahwinan dan Prosedur 2 jam	Komunikasi Suami Isteri 1 jam	
Hari 2	Hubungan Dalam Keluarga 1 jam	Pengurusan Kewangan dan Masa 1 jam	Pengurusan Kesihatan Keluarga 2 jam	Pengurusan Tekanan (stress) dan Konflik 1 jam	Perkhidmatan Runding Cara di JAIN 1 jam	Pembubaran Perkahwinan 1 jam
Jumlah Kredit :						13 jam

Bahan-bahan Kursus

- 1 Di samping modul yang telah ditetapkan, pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam ini juga menggunakan buku Memasuki Gerbang Perkahwinan.
- 2 JAKIM berhak membuat cetakan, pengedaran atau melantik mana-mana pihak lain untuk mencetak dan mengedarkan buku Memasuki Gerbang Perkahwinan.